

BANK ISLAM SEDIA MORATORIUM UNTUK MANGSA BANJIR

Kelonggaran pembayaran balik ansuran disediakan kepada pelanggan kemudahan Pembiayaan Rumah, Pembiayaan Peribadi dan Pembiayaan Kenderaan

KUALA LUMPUR, Jumaat, [8 Januari 2021]: Peka dengan keadaan banjir, Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") hari ini menawarkan **Program Prihatin** khusus bagi membantu para pelanggan pembiayaan yang terjejas akibat bencana banjir. Program ini bertujuan untuk meringankan beban kewangan mangsa banjir, para pelanggan dibawah kemudahan **Pembiayaan Rumah, Pembiayaan Peribadi** dan **Pembiayaan Kenderaan** Bank Islam. Mereka yang layak boleh memohon **moratorium sehingga enam (6) bulan** bagi bayaran komitmen bulanan mereka tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Bank Islam sentiasa meneliti perkembangan terkini bencana banjir di kawasan-kawasan yang terjejas dan akan mengambil langkah proaktif membantu pelanggannya yang terjejas ekoran bencana berkenaan."

"Kami sedar akan kesulitan yang dihadapi oleh pelanggan kami dalam menangani situasi semasa, khususnya dengan keadaan banjir yang buruk serta pandemik COVID-19 yang masih melanda negara. Ini kerana kesejahteraan masyarakat dan pelanggan Bank sentiasa menjadi keutamaan Bank Islam. Kami berharap program ini dapat bantu melegakan kebimbangan mereka terhadap komitmen kewangan di waktu yang sungguh mencabar ini. Bank Islam akan terus komited untuk membantu dan menyokong negeri-negeri yang terjejas dalam memastikan kebajikan dan kepentingan rakyat terjamin," tambah beliau.

Para pelanggan boleh membuat panggilan kepada Pusat Panggilan Bank Islam di nombor 03 2690 0900 untuk sebarang pertanyaan atau maklumat mengenai Program Prihatin Bank Islam. Permohonan bagi moratorium di bawah Program Prihatin ini boleh dibuat di cawangan Bank Islam terdekat.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari www.bankislam.com.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

<p>Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com.</p>	<p>Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com</p>
---	--